

07 FEB 1997

PM RASMI SAMSUNG ELECTRONICS SEREMBAN COMPLEX PADA 24 FEB

SEREMBAN, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Samsung Electronics Seremban Complex (SESC) di kawasan perindustrian Tuanku Jaafar, Sungai Gadut dekat sini pada 24 Feb ini.

Menurut kenyataan Samsung Asia di sini hari ini, Perdana Menteri dijangka tiba di kompleks berkenaan pada pukul 9.30 pagi.

Kompleks itu menempatkan tiga buah kilang syarikat gergasi Korea Selatan iaitu kilang Samsung Electron Devices (M) Sdn Bhd., Samsung Corning (M) Sdn Bhd dan Samsung Electronics Display (M) Sdn Bhd.

Presiden dan Pengarah Urusan SESC, Kim Jin Ki dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Samsung Electronics Group Yun Jong Yong dijangka turut hadir pada majlis itu. -- BERNAMA

RP AKD